

Penurunan dalam pegangan domestik daripada 79.59% pada akhir Disember 2021 kepada 79.42% pada 30 September 2022 (Rajah 1a) didorong oleh pelabur institusi domestik yang merupakan penjual bersih selama tujuh daripada sembilan bulan pertama pada 2022 (jumlah jualan bersih -RM9.03 bilion) (Rajah 1b). Sementara itu, dalam tempoh yang sama pelabur runcit domestik didagangkan pada belian bersih RM2.30 bilion, manakala pelabur institusi dan runcit asing turut didagangkan pada belian bersih RM6.58 bilion dan RM0.06 bilion masing-masing.

Berdasarkan penilaian SC setakat 30 September 2022, pegangan domestik sebahagian besarnya dipegang oleh pelabur strategik (75.91%), dan bakinya dipegang oleh pelabur bukan strategik. Pelabur strategik terdiri daripada penganjur, syarikat induk atau syarikat pegangan sesebuah PLC yang mempunyai strategi pelaburan jangka panjang, manakala pelabur bukan strategik ialah pengurus pelaburan dengan jangka masa pelaburan yang lebih pendek.

JENIS-JENIS PELABUR ASING


Analisis selanjutnya mengenai jenis pegangan asing yang berjumlah 20.58% setakat 30 September 2022, menunjukkan bahawa pelabur strategik asing berjumlah 68.68% merentasi pelbagai pasaran dan sektor di Bursa Malaysia (Rajah 1a). Mengikut jenis, 96.34% daripada pelabur strategik asing adalah syarikat manakala

selebihnya terdiri daripada pelabur individu, agensi kerajaan, syarikat induk dan lain-lain.

Hampir separuh daripada pelabur bukan strategik asing, adalah dari AS dan tiga pegangan teratas mereka berada di kaunter perbankan (Carta 1).

CARTA 1


5 negara teratas pelabur bukan strategik asing setakat 30 September 2022



Sumber: SC; Thomson Reuters Eikon.

CARTA 2

Gaya pelaburan oleh pelabur bukan strategik asing setakat 30 September 2022



Sumber: SC; Thomson Reuters Eikon.

Manakala, 31.32% daripada pegangan asing merupakan pelabur bukan strategik, yang kebanyakannya terdiri daripada dana pengurus, dana lindung nilai, dan dana kekayaan berdaulat dengan bakinya adalah dana pencen, syarikat insurans, dan lain-lain (Rajah 1a). Ini boleh dikategorikan lagi sebagai pelabur aktif atau pasif (Carta 2). Pelabur pasif menjejaki pulangan indeks seperti penanda aras pasaran dan cenderung untuk membeli dan menyimpan melainkan terdapat perubahan pada konstituen indeks. Sementara itu, pelabur aktif berusaha untuk melabur melalui pemilihan saham mengikut budi bicara atau perdagangan dengan menjangkakan perubahan pasaran.³

Dana pencen lazimnya membeli dan menyimpan kerana tumpuannya adalah terhadap pendapatan jangka panjang dan bukannya pengumpulan modal.⁴ Oleh itu, pelabur yang paling kerap masuk atau keluar pasaran merupakan pelabur bukan strategik yang aktif, diikuti oleh bank pusat, kerajaan, dana pencen, dan seterusnya pelabur bukan-strategik pasif.

³ BIS Quarterly Review: The implications of passive investing for securities markets. Sushko, V. & Turner, G., Bank of International Settlements, 2018.

⁴ Policy Actions: Pension Funds Investment in Infrastructure. Della Croce, R., OECD Working Papers on Finance, Insurance and Private Pensions No. 13. OECD. 2011.